

---

**Kepada : Staf PKK**  
**Daripada : Ketua Unit ICT**  
**Salinan Kepada : Pengurusan**  
**Tarikh : 30 Ogos 2024**  
**Ruj. Fail : PKK/ICT/01(154)**  
**Perkara : MAKLUMAN GOOGLE DRIVE (GD) BACKUP UNTUK STAF BERPINDAH**

---

Tuan/puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, peralihan perkhidmatan MyGovUC 2.0 ke perkhidmatan MyGovUC 3.0 telah dilaksanakan bermula pada 14 Februari 2024. Terdapat perubahan dari segi tempoh *restore backup GD* staf yang berpindah ke agensi iaitu selama 20 hari selepas penamatan akaun emel MyGovUC. **Fail-fail di dalam GD akaun tersebut akan kekal hilang selepas tempoh 20 hari tersebut.**
3. Sehubungan itu, dimohon semua staf yang akan berpindah untuk memastikan semua fail di dalam *GD* Akaun Emel MyGovUC 3.0 telah selesai proses *backup* dalam tempoh tersebut dan diserahkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Program/Ketua Kursus bagi mengelakkan sebarang isu kehilangan dokumen yang akan menjaskan prosedur pengajaran dan pembelajaran di antara pensyarah dan pelajar. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Pentadbir MyGovUC PKK Pn. Suzana Binti Albaik (016-8487718).
4. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah kami hargai dan segala kesulitan amatlah dikesali.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SITI ASLINA ALBUMIN)**

Ketua Unit

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Politeknik Kota Kinabalu, Sabah